



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DATO' SRI MATSHAH BIN
SAFUAN, PENERUS SAFUAN GROUP BERHAD MENGENAI
PENGALAMAN DAN SUMBANGAN BELIAU DALAM BIDANG
PERNIAGAAN**

OLEH

UMMI KALTHUM BINTI MOHD TAMRINAN

[2010131349]

WAN SITI HAJAR BINTI WAN YAACOB

[2010720979]

Projek Dimajukan Kepada Fakulti Pengurusan

Maklumat Universiti Teknologi MARA Kampus Segamat, Johor Bagi

Memenuhi Keperluan Kursus IMR 603 - [Documenting Oral Tradition]

Semester Mac-Julai 2012

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur kami kehadiran Ilahi kerana dengan limpah berkat dan kurnia-Nya dapatlah kami menyempurnakan tugas sejarah lisan yang diberikan kepada kami. Kami berharap kerja projek yang telah kami siapkan ini memberikan manfaat yang besar kepada kami pada masa hadapan.

Jutaan ucapan terima kasih kami tujukan khas buat Dato' Sri Matshah bin Safuan dan para pekerjanya di Safuan Group Berhad kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah serta kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada kami. Tanpa kerjasama daripada pihak Dato', mungkin kami tidak dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Kami juga ingin sekali mengucapkan terima kasih kepada Puan Azura binti Kamarudzzaman, pensyarah kami untuk subjek ini, Documenting Oral History [IMR603] dengan usaha yang telah beliau berikan. Tanpa panduan dan pengajaran beliau, kemungkinan besar kami tidak dapat menyiapkan kerja projek ini.

Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih kerana sanggup berkongsi idea dan pendapat serta dapat memberi tunjuk ajar dan teguran membina dalam memastikan mutu serta kejayaan tugas kami ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kami kepada ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kebahagiaan, keselamatan dan memahami situasi sebagai seorang pelajar universiti. Terima kasih diatas segala sokongan moral yang diberikan.

ISI KANDUNGAN

1. ABSTRAK	5
2. PENDAHULUAN	7
3. PENGENALAN	9
4. SEJARAH PENGLIBATAN	14
5. TRANSKRIP TEMUBUAL	17
6. INTERVIEW LOG	104
7. SOALAN-SOALAN TEMUBUAL	120
8. BIODATA TOKOH	128
9. ALBUM KENANGAN DAN LAMPIRAN	131
a. SURAT KEBENARAN	141
b. SURAT PERJANJIAN ARKIB	143
c. INDEKS	145

ABSTRAK

Temubual bersama dengan Dato' Sri Matshah Bin Safuan sebagai ahli perniagaan yang berjaya sehingga mencapai tahap antarabangsa.

Abstrak: *Wawancara ini dikendalikan oleh Ummy Kalthum Binti Mohd. Tamrinan dan Wan Siti Hajar Binti Wan Yaacob dengan Dato' Sri Matshah Safuan, seorang tokoh usahawan yang banyak memberi sumbangan dan penglibatan dalam bidang perniagaan. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau di 24th Floor Menara Safuan, No.80, Jalan Ampang, 53200 Kuala Lumpur pada 30 Mei 2012 pada jam 2.30 petang sehingga jam 8.00 malam. Wawancara ini dijalankan selama 2 jam 10 minit yang telah memberi maklumat tentang jawatan, penglibatan, pengalaman dan sumbangan beliau dalam bidang perniagaan ini. Beliau memiliki syarikat yang diwarisi oleh ayah nya sejak 1979 secara rasmi iaitu Safuan Group Bhd. Beliau memiliki banyak anak syarikat yang ditubuhkan di bawah naungan Safuan Group Bhd seperti Safuan Hardware, Safuan Query, Safuan Brick Making dan sebagainya. Safuan Group Bhd menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan seperti pembinaan, pembangunan dan juga bidang perhotelan yang merupakan kesinambungan daripada bidang pembinaan yang dijalankan oleh syarikat beliau. Antara anugerah sepanjang penglibatan beliau dalam bidang perniagaan adalah Dato' Sri Diraja Kelantan, Dato' Setia Negeri Sembilan, Ahli Mangku Negara, dan Pingat Pekerti Negara. Dalam usia 65 tahun, beliau sangat aktif dalam aktiviti yang dijalankan dalam bidang*

perniagaan ini seperti pergi lawatan ke luar negara dan mengadakan aktiviti untuk semua masyarakat dari segi politik, persatuan, dan juga majlis perniagaan.

Kata Kunci: *Bidang Perniagaan, Politik, Safuan Group Bhd, Pembinaan, Perhotelan, Pembangunan dan Persatuan.*